

Asrama berpusat tangani jenayah, masalah sosial pekerja asing



Oleh Dr Nor Suzyah Solaimi
bhrencana@bh.com.my

Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) dan Perjanjian Internasional tentang Hak Ekonomi, Sosial, dan Budaya adalah dua dokumen untuk menjaga hak asasi manusia, termasuk isu perumahan pekerja asing.

Awal tahun ini, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar memberi amaran kepada majikan supaya memastikan tempat penginapan pekerja warga asing sentiasa dalam keadaan selesa dan bukan seperti kandang lembu atau kerbau.

Teguran menteri ini sangat berasas kerana penginapan pekerja asing tidak memenuhi syarat ditetapkan bukan sahaja membahayakan pekerja, malah memburukkan imej negara.

Dalam hal ini, majikan tertakluk kepada Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) bagi memastikan semua pekerja disediakan penginapan tanpa mengira sektor dapat menikmati kemudahan penginapan selamat, sihat dan kondusif.

Malah, penyediaan penempatan pekerja kondusif adalah selaras dengan Petunjuk 8, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG): Kerja Yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi.

Bagi memenuhi Akta 446 dan matlamat SDG ini serta bagi menjaga nama baik Malaysia pada mata antarabangsa, terdapat keperluan mendesak untuk majikan menyediakan asrama berpusat pekerja

asing bagi menjaga kebajikan dan kualiti kehidupan mereka serta kesejahteraan masyarakat tempatan.

Desakan ini disebabkan ramai pekerja asing tinggal kini tinggal di penginapan tidak kondusif, dalam keadaan sempit, sesak, kotor dan tidak selamat. Keadaan ini menimbulkan risiko kesihatan sehingga membawa kepada penularan penyakit.

Sebagai contoh, rumah dengan keluasan 800 kaki persegi menempatkan sehingga 10 orang pekerja asing bukan sahaja menjejaskan kualiti kehidupan mereka, malah turut menimbulkan ketidakselesaan dan kerisauan keselamatan masyarakat tempatan yang tinggal di kejiranan sama.

Selain itu, ketiadaan atau kekurangan asrama berpusat turut menggalakkan pembinaan penempatan haram yang lazimnya tidak memenuhi piawaian keselamatan minimum dan kemudahan asas, selari dengan Akta 446 dan SDG.

Elak aktiviti jenayah, masalah sosial

Penempatan haram berpotensi menjadi pusat pengembangan aktiviti jenayah, seperti penyalahgunaan dadah dan perdagangan manusia. Disamping itu, penempatan haram juga boleh memberi tekanan kepada perkhidmatan dan infrastruktur awam.

Keadaan penempatan ini tidak mempunyai sistem pengurusan sisa sempurna dan dibina di kawasan terpencil tidak memenuhi matlamat menjaga keselamatan mereka serta menjamin kesejahteraan masyarakat tempatan.

Menerusi pembinaan asrama berpusat ini, ia bukan sahaja dilengkapi dengan kemudahan asas untuk pekerja, bahkan menawarkan beberapa faedah

kepada pekerja dan masyarakat tempatan.

Penempatan ini boleh menawarkan kualiti hidup lebih baik berbanding perumahan haram atau 'rumah kongsi' kerana menyediakan ruang kediaman mengikut piawaian dan dilengkapi dengan keperluan asas.

Selain itu, ia dapat meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, pengangkutan dan keperluan lain seperti pasar. Membentuk penempatan berpusat membolehkan peruntukan sumber diuruskan lebih cekap.

Selain itu, mengumpul pekerja di asrama berpusat akan mengurangkan beban kepada infrastruktur tempatan, utiliti dan perkhidmatan awam.

Ini boleh dirancang dan dibangunkan dengan lebih berkesan untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat tempatan selain menjimatkan kos dan penggunaan sumber lebih cekap.

Disamping itu, penempatan berpusat ini meningkatkan pematuan, pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang buruh serta menawarkan perumahan mengikut piawaian.

Oleh itu, pihak berkuasa akan lebih mudah membuat pemeriksaan dan menjamin aspek keselamatan penghuninya. Asrama berpusat ini juga dapat diurus dengan baik, sekali gus mengurangkan kebimbangan masyarakat tempatan terhadap banjir pekerja asing di negara ini.

Paling utama, asrama berpusat pekerja asing mampu mengawal pertumbuhan perumahan haram yang berpotensi memberi kesan negatif kepada kawasan kejiranan, selain berpotensi mewujudkan hubungan positif antara masyarakat tempatan dan pekerja asing.

Pengarah & Pensyarah Institut Penyelidikan Untuk Indonesia, Thailand dan Singapura/ Sekolah Kerajaan, Universiti Utara Malaysia